

# Aplikasi Prinsip Islam Dalam Pengurusan Alam Sekitar Lestari Menurut Perspektif *Kitab Al-Jidar*

Sharifah Fadylawaty, S. A. (Corresponding author)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Selangor, Malaysia

Tel: +6019-9320469 E-mail: fadylawaty4935@uitm.edu.my

Nurzahidah, J.

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Selangor, Malaysia

Tel: +6019-3670299 E-mail: nurzah8883@uitm.edu.my

## Abstract

Halal prevails a holistic area that covers many aspects, including food, beverages, pharmaceutical and others. Islamic jurisprudence in the sustainability of environment is also falls under the rubric of halal and haram. Nature is a precious blessing bestowed by Allah Almighty for the benefit of humankind. Humans as caliphs of God are accountable to govern and appropriately manage this world. Nevertheless, as a result of human greed in exploiting natural resources, the environment today is jeopardized with degradation and devastation. This situation urges the comprehensive implementation of sustainable development as the best solution for current and future generations. Sustainable development is not a new concept in Islam, but has existed for the past several centuries as described in the Quran and the As-Sunnah. It was also expounded by fuqaha' through their fatwa, judgment, and writing. However, there was limited studies focused on the sustainability from Islamic perspective, in general and based on the classical text of Islamic jurisprudence, in particular. Therefore, the objective of this paper is to identify the application of Islamic principles in sustainable environmental management, according to *Kitab Al-Jidar*. The elements examined encompass water and wastewater management, waste, sewage, and air quality. This study employs qualitative methods. An in-depth reading is accomplished on *Kitab Al-Jidar* as the primary resource. The first step

is the translation phase of the text, followed by the content analysis method to extract the Islamic principles outlined in the book and glimpse its application for adaptation in the current context. The study found that there are four (4) fundamental principles of sustainable environmental management applied in *Kitab Al-Jidar*. It covers; a) La Dharar Wa La Dhirar b) Recognizing and respecting the rights of others, 3) Social responsibility, and 4) Objection. The paper concludes that holistic, efficient, and complex sustainable development solutions can be comprehended by fully embracing and adhering to the Islamic principles. It is hoped that this paper will cultivate awareness and a positive impact on the community towards nourishing a sustainable environment according to the Islamic parameters in Malaysia.

**Keywords:** Sustainable Development, Islamic Perspective, Guidelines, Environment

## Abstrak

Halal merupakan bidang holistik meliputi makanan, minuman, farmaseutikal dan sebagainya. Perundangan Islam atau fiqh alam bina adalah sebahagian daripada skop penting halal. Alam merupakan anugerah tidak ternilai yang dikurniakan oleh Allah SWT untuk dimanfaatkan oleh manusia. Manusia sebagai khalifah Allah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan menguruskan alam ini dengan cara yang sewajarnya. Walau bagaimanapun,

akibat daripada kerakusan manusia dalam mengeksploitasi sumber semula jadi, alam sekitar pada masa kini diancam kemerosotan dan kemusnahan. Situasi ini mendesak kepada implementasi pembangunan lestari bersifat komprehensif sebagai solusi terbaik agar alam ini akan terus dapat dinikmati sewajarnya pada masa sekarang dan dapat diwariskan pula kepada generasi akan datang. Hakikatnya, pembangunan mampan bukan konsep baru dalam Islam, bahkan telah wujud sejak beberapa abad yang lepas sebagaimana yang dijelaskan di dalam Al-Quran dan As-Sunnah dan dikembangkan pula oleh *fuqaha* melalui fatwa, penghakiman dan penulisan mereka. Walau bagaimanapun, sorotan kajian lepas mengenai aspek pengurusan lama sekitar lestari menurut perspektif Islam umumnya dan berdasarkan kitab *fiqh* khususnya didapati agak terhad. Oleh itu, objektif kertas kerja ini dihasilkan adalah bertujuan untuk mengenalpasti aplikasi prinsip Islam dalam pengurusan alam sekitar lestari menurut *Kitab Al-Jidar*. Aspek pengurusan yang dibincangkan merangkumi pengurusan air dan sisa air, sampah, sisa kumbahan serta kualiti udara. Kajian ini menggunakan metod kualitatif. Sorotan pembacaan secara mendalam dilakukan terhadap *Kitab Al-Jidar* sebagai sumber utama. Langkah pertama yang dilakukan adalah fasa penterjemahan teks, diikuti kaedah analisa kandungan bagi mengekstrak prinsip Islam yang dikupas di dalam kitab tersebut dan melihat aplikasinya bagi diadaptasikan dalam konteks semasa. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat empat (4) prinsip utama berkaitan pengurusan alam sekitar lestari diaplikasikan dalam *Kitab Al-Jidar*. Ia meliputi; a) *La dharar wa la dharar* b) Mengiktiraf dan menghormati hak orang lain 3) Tanggungjawab sosial dan 4) Bantahan. Penulisan kertas kerja ini menyimpulkan bahawa solusi pembangunan lestari yang bersifat holistik, efisien, dan komprehensif dapat direalisasikan dengan menghayati dan mengadaptasikan prinsip Islam secara bersepadu. Adalah diharapkan agar penghasilan kertas kerja ini dapat memberikan kesedaran dan impak positif di kalangan komuniti ke arah mewujudkan alam sekitar

lestari menurut parameter Islam di Malaysia.

**Kata kunci:** Pembangunan lestari; Perspektif Islam; Garis panduan; Alam sekitar

## Pendahuluan

Alam merupakan anugerah tidak ternilai yang dikurniakan oleh Allah SWT untuk dimanfaatkan oleh manusia. Manusia sebagai khalifah Allah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan menguruskan alam ini dengan cara yang sewajarnya. Proses pembangunan dan urbanisasi yang berorientasikan keuntungan dan didorong oleh sifat rakus, dan pengabaian nilai agama telah mencetuskan krisis alam sekitar serius seperti pencemaran, hakisan, vandalism, eksploitasi, bencana alam, kepupusan biodiversiti dan ketidakseimbangan ekologi (Gada, 2012; Muhammad, H.A, Nabsiah, A.W, 2012; Kamali, 2015; Vincenti Donatella, 2016; Klarin Tomislav, 2018).

Krisis ekologi yang agak kritikal menuntut masyarakat dunia mengimplementasikan pengurusan alam sekitar secara proaktif dan komprehensif sebagai solusi terbaik agar alam terus terpelihara (Norah Hamad, 2017). Pertimbangan harus diberikan kepada sejauh mana nilai eco-etika, amalan mulia, amanah dan tanggungjawab terhadap alam ini dilaksanakan mengikut tuntutan agama atau sebaliknya (Vincenti Donatella, 2016).

Sehingga kini, terdapat pelbagai kajian dan usaha yang dilaksanakan di peringkat global mahupun lokal dalam memperkasakan pengurusan alam sekitar. Inisiatif yang dilaksanakan bukan sahaja melibatkan usaha oleh pihak kerajaan melalui beberapa pendekatan seperti polisi, kempen, penguatkuasaan, projek Hijau dan sebagainya malah turut mengintegrasikan peranan masyarakat bagi mengekalkan keindahan dan kelestarian alam. Meskipun pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pelbagai pihak, namun isu alam sekitar masih belum menemui jalan penyelesaian terbaik sehingga kini (Gada, 2012).

Hakikatnya, pengurusan alam sekitar bukan konsep baru dalam Islam, bahkan telah wujud sejak beberapa abad yang lepas sebagaimana yang dijelaskan di dalam Al-Quran dan As-Sunnah dan dikembangkan pula oleh *fuqaha'* melalui fatwa, penghakiman dan penulisan mereka dalam sorotan pembacaan klasik Islam. Walau bagaimanapun, sorotan pembacaan mengenainya agak terhad. Justeru, kajian ini adalah penting untuk dilaksanakan sebagai satu inisiatif melalui pendekatan *fiqhiyyah* ke arah penambahbaikan berterusan dalam pengurusan alam lestari di masa akan datang.

Islam sebagai agama yang syumul mengambil berat terhadap semua aspek kehidupan manusia, sama ada terhadap manusia mahupun flora dan fauna demi kelestarian dan keharmonian sejagat. Pendekatan, mekanisme dan prinsip pengurusan alam sekitar dibahaskan secara terperinci di dalam kitab *fiqh* untuk dijadikan rujukan asas kepada pembentukan garis panduan dan perundangan Islam dalam menangani isu pencemaran, penjagaan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar menurut perspektif Islam (Gada, 2014). Menyedari pentingnya persekitaran yang dibina untuk kehidupan manusia, objektif penulisan artikel ini bertujuan untuk menganalisis aplikasi prinsip Islam dalam pengurusan alam sekitar lestari menurut perspektif *Kitab Al-Jidar*. Komponen pengurusan alam sekitar yang dibincangkan merangkumi aspek pengurusan air dan sisa air, sampah, sisa kumbahan serta kualiti udara.

### **Pengurusan Alam Sekitar Lestari Menurut Perspektif Islam**

Alam sekitar adalah dilindungi oleh Islam. Dalil mengenai pengurusan alam sekitar ini boleh dirujuk kepada sumber primer iaitu Al-Quran dan As-Sunnah (Muhammad, H.A & Nabsiah, A.W,2012; Ansari et.al, 2012). Terdapat banyak dalil Al-Quran dan hadith yang menunjukkan larangan keras Allah SWT ke atas manusia daripada melakukan kerosakan sebagaimana yang dijelaskan melalui firmanNya yang bermaksud: “Dan apabila dikatakan kepada

mereka: “Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi”, mereka menjawab: “Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan. Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenar-benarnya membuat bencana dan kerosakan, tetapi mereka tidak menyedarinya”. (Surah al-Baqarah:11-12).


Di dalam Surah Hud, Allah SWT menguatkan lagi tegahan atau laranganNya melalui ayat 85 yang bermaksud: “...dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi”. Kerakusan manusia merosakkan alam semata-mata memenuhi sifat tamak mereka telah mengakibatkan pelbagai impak negatif seperti bencana, pencemaran, banjir dan penyakit. Hal ini ternyata bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam Surah Al-Rum: ayat 41 yang bermaksud: “Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”(Surah Hud: 85).

Tindakan rakus manusia terhadap alam sekitar akan menimbulkan pelbagai impak negatif seperti bencana alam, pemanasan global, jerebu dan penipisan lapisan ozon. Allah SWT telah berfirman dalam Surah al-Rum ayat 41 yang bermaksud: Telah jelas kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia; Allah mengkehendaki agar mereka merasakan sebahagian daripada (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).’ (Surah al-Rum :41)

Alam sekitar perlu diuruskan secara berhemah bagi mengekalkan keharmonian dan kelestariannya. Kesemua sumber-sumber asli seperti air, udara, tanah, udara, hutan, biodiversiti dan sebagainya saling berkait antara satu sama lain dan memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia dan makhluk lainnya. Antara impak positif pemeliharaan sumber

alam adalah dapat mengekalkan keseimbangan ekosistem, menjaga kawasan yang sensitif dan terpelihara serta tujuan pembangunan (Ghaderi, Z. & Henderson, Joan C., 2012). Pemeliharaan alam sekitar yang baik dan mampan juga dapat memberi nilai tambah kepada sektor ekonomi yang akhirnya dapat memacu kepada melalui industri pelancongan, eko-pendidikan (berkonsepkan alam) dan rekreasi (Ghaderi, Z. & Henderson, Joan C., 2012). Sebaliknya, Norah Hamad (2017) memperincikan bahawa pembangunan lestari adalah bertujuan mencapai sekurang-kurangnya empat (4) objektif utama iaitu 1) komitmen dalam melindungi sumber asli untuk manfaat generasi masa kini dan akan datang 2) standard bersesuaian dalam pengeksploitasian sumber asli 3) Penggunaan secara adil untuk memenuhi keperluan dan permintaan manusia dan 4) integrasi ekonomi dan sektor pembangunan lain berasaskan kepada panduan Al-Quran dan As-Sunnah (Norah Hamad, 2017).

Agama merupakan tunjang asas dalam pembentukan nilai, kepercayaan dan norma individu (Muhammad, H.A & Nabsiah, A.W, 2012). Implikasi daripada penghayatan nilai agama ini akan mewujudkan nilai altruistik (obligasi moral terhadap orang lain) dan biosentrik (tanggungjawab individu dalam memelihara alam sekitar dan ekosistem) sehingga mendorong kepada penglibatan secara langsung mahupun tidak langsung dalam usaha-usaha untuk memelihara alam sekitar (Muhammad, H.A & Nabsiah, A.W, 2012). Pengurusan alam sekitar lestari menurut perspektif Islam merupakan kombinasi antara tiga (3) elemen utama merangkumi *fiqh* (hukum) sebagaimana digambarkan dalam Gambar rajah 1 di bawah:



Gambar 1 : Elemen pengurusan alam sekitar lestari menurut perspektif Islam

Sumber : (Pengkaji,2019)

*Fiqh al-bi'ah* adalah kombinasi daripada dua istilah Arab, iaitu; *fiqh* dan *bi'ah*. *Fiqh* dari segi bahasa adalah bermaksud kefahaman (Musa,2010). Manakala dari sudut istilah, *fiqh* didefinisikan sebagai setiap hukum syarak yang berbentuk praktikal dan disandarkan kepada dalil-dalil terperinci sama ada Al-Quran, sunnah mahupun ijtihad (Musa,2010). Perkataan *bi'ah* (persekitaran) pula dirujuk sebagai kediaman dan sesuatu keadaan dari sudut bahasa (Musa,2010). Dari sudut istilah, *bi'ah* bermaksud lingkungan persekitaran yang didiami oleh manusia itu sendiri (Musa,2010). Justeru, *Fiqh al-bi'ah* atau *fiqh* persekitaran boleh didefinisikan sebagai undang-undang atau hukum-hakam Islam mencakupi keseluruhan persekitaran sama ada benda hidup seperti binatang atau benda bukan hidup seperti unsur semula jadi yang meliputi tiga komponen utama iaitu tanah, air dan udara (Musa,2010). Meskipun tidak sebegitu ditekankan sebagaimana *fiqh* ibadah mahupun *fiqh* muamalah yang lain, namun *Fiqh al-bi'ah* dilihat sebagai salah satu daripada cabang ilmu *fiqh* yang penting untuk diketengahkan pada masa sekarang memandangkan dunia hari ini berdepan dengan pelbagai krisis alam sekitar yang tidak berkesudahan (Musa,2010).

Aspek *fiqh* berkait secara langsung dengan aspek syariah. Ini bermakna, penghayatan *fiqh* perlu dimanifestasikan melalui pelaksanaan dan penguatkuasaan peraturan, garis panduan serta perundangan. Praktis dan penghayatan terhadap saranan Islam sewajarnya menjadi mekanisme terbaik dalam menyelesaikan



pelbagai isu pengurusan bandar pada masa kini, sama ada di peringkat nasional mahupun global (Mehri, 2016).

Selain itu, *Hisbah* turut menjadi satu elemen penting penjagaan alam sekitar dalam Islam. Dari sudut sejarah, institusi Islam yang bertanggungjawab dalam terhadap penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar adalah di bawah bidang kuasa *Hisbah* yang berperanan dalam mengekalkan penguatkuasaan undang-undang, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dalam aspek perdagangan dan hal ehwal awam (Vincenti Donatella, 2016). Antara bidang kuasa *Hisbah* adalah merangkumi pemeliharaan rizab sumber semulajadi, pengurusan sisa kumbahan dan sampah,

kawalan kualiti bangunan dan pembinaan, pemantauan kebersihan, pemeriksaan dan penguasaan terhadap peraturan keselamatan, pencegahan bahaya dan gangguan serta pencerobohan (Kamali,2015). *Muhtasib* turut bertanggungjawab dalam menilai kerosakan dan penalti dalam usaha mengawalselia kemudahan awam untuk kemaslahatan bersama (Kamali,2015). Beberapa kriteria tindakan pembetulan dan penjagaan alam sekitar yang berpaksikan elemen *fiqh* menekankan aspek akauntabiliti, integriti dan nilai baik dilihat signifikan dalam merealisasikan keberhasilan penjagaan dan kelestarian alam sekitar (Vincenti Donatella, 2016; Norah Hamad, 2017).

### Praktis Kontemporari Pengurusan Alam Sekitar Lestari di Malaysia dan Relevensinya Dengan Fiqh Al-Bi'ah

Bil	Praktis Kontemporari	Relevensinya Dengan Fiqh Al-Bi'ah (Persekitaran)
1	Pengurusan Air dan Sisa Air	
	<p>Undang-undang/ Dasar:</p> <p>a) Dasar Sumber Air Negara (National Water Resources Policy), 22 Februari 2012.</p> <p>Dasar ini memberikan penekanan terhadap perolehan sumber air bagi memenuhi keperluan manusia dengan cara mengoptimumkan potensinya dan meminimumkan pembaziran sumber air.</p> <p>b) Seksyen 55(2) dan 55 (3) Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Jamaluddin Md. Jahi 1996)</p> <p>c) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974(Jamaluddin Md. Jahi 1996)</p> <p>d) Enakmen Air, 1920(Jamaluddin Md. Jahi 1996)</p> <p>Contoh pendekatan / strategi semasa:</p> <p>a) Kerajaan Pulau Pinang mengenakan surcaj pemuliharaan air (SPA) sebanyak RM1 setiap 1,000 liter air untuk penggunaan melebihi 35,000 liter sebulan sebagai mekanisme mengelakkan pembaziran penggunaan air domestik sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan penggunaan air secara bijak dalam kalangan rakyat (<a href="http://www.mbpp.gov.my">http://www.mbpp.gov.my</a>).</p> <p>b) Sejak 2003, Persekutuan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menggesa diwujudkan Akta Air Minum Selamat untuk memastikan pengguna mempunyai akses kepada air yang selamat dan melindungi bekalan air minum awam di seluruh negara. (<a href="http://www.fomca.org.my/">http://www.fomca.org.my/</a>)</p>	<p>Terdapat hadis Rasulullah SAW yang menyatakan bahawa manusia berkongsi tiga perkara; air, api dan rumput. Dapat dilihat daripada hadis ini bahawa Islam amat menitikberatkan soal perkongsian hak, kebersamaan dan tanggungjawab bagi mengekalkan sumber air agar ia dapat terus menyokong keperluan populasi manusia dan alam sekitar. Bagi menjaga kepentingan kedua pihak, praktis semasa juga selari dengan prinsip Islam iaitu memastikan pengurusan yang cekap dan berkesan dalam aspek pemuliharaan, pengurusan dan peruntukan air yang mencukupi serta selamat untuk manusia dan alam sekitar.</p>

2	<p>Pengurusan Sampah</p> <p>Undang-undang/ Dasar:</p> <p>a) Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara 2016/ Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)</p> <p>Melalui dasar ini, pengurusan sisa pepejal dilaksanakan secara holistik meliputi perancangan, kutipan, rawatan dan pelupusan yang berteraskan konsep waste management hierarchy.</p> <p>b) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007(Akta 672)</p> <p>Contoh pendekatan / strategi semasa:</p> <p>a) Melaksanakan kaedah 3R (Reduce, Reuse, Recycle). Kaedah ini dapat mengurangkan sisa pepejal domestik, komuniti dan komersial. (<a href="http://jpspn.kpkt.gov.my">http://jpspn.kpkt.gov.my</a>)</p> <p>b) Penswastaaan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di Malaysia kepada agensi seperti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Syarikat Konsensi Alam Flora Sdn.Bhd dan SWM Environment Sdn.Bhd.(<a href="http://jpspn.kpkt.gov.my">http://jpspn.kpkt.gov.my</a>).</p> <p>c) Kempen Pengasingan Sisa pepejal bermula sejak tahun 2015 yang melibatkan isi rumah, industri dan komersial. (<a href="http://jpspn.kpkt.gov.my">http://jpspn.kpkt.gov.my</a>)</p>	<p>Pengurusan sisa buangan yang efektif adalah selari dengan kaedah fiqhiyyah yang bertujuan menghindarkan bahaya, kemudaratan dan ketidakefektifan kepada orang lain khususnya jiran terdekat. Ini adalah selari dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: “Seseorang itu tidak akan masuk syurga jika jirannya tidak merasa selesa (aman) daripada tindakan-tindakan salahnya” (Sahih Muslim 1929).</p> <p>Justeru, ia wajar diimplementasikan dalam kehidupan berkomuniti pada hari ini.</p>
3	<p>Pengurusan Sisa Kumbahan (Najis)</p> <p>Undang-undang/ Dasar:</p> <p>a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Kawalan Buangan Terjadual (Seksyen 34B)</p> <p>Dalam akta kualiti Alam sekeliling 1974, ditetapkan larangan terhadap penempatan, perletakan, dan sebagainya dalam kategori buangan terjadual. Denda tidak melebihi RM500 ribu atau penjara tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya akan dikenakan kepada pihak yang melanggar larangan ini (Jabatan Alam Sekitar, <a href="https://eswis.doe.gov.my">https://eswis.doe.gov.my</a>).</p> <p>b) Akta Perkhidmatan Pembetungan, 1993 (Jamaluddin Md. Jahi, 1996)</p> <p>Contoh pendekatan / strategi semasa:</p> <p>a) Perintah saman dikenakan kepada syarikat yang telah melanggar Akta Kualiti Alam Sekitar.</p> <p>b) Pelaksanaan sistem eSWIS yang menguruskan SOP pengurusan sisa pepejal secara bersepadu bagi memudahkan pihak komuniti dan industri.</p>	<p>Islam menyokong usaha penjagaan dan kemajuan pembangunan strategik dan mapan sebagaimana dilaksanakan oleh pihak berautoriti tanpa melenyapkan nilai kebersihan dan keselamatan komuniti.</p> <p>Solusi pengurusan sisa kumbahan bersepadu dan baik dalam pengurusan sisa kumbahan akan mewujudkan persekitaran yang bersih, sihat dan kondusif untuk didiami.</p>
4	Pengurusan Kualiti Udara	
	<p>Undang-undang/ Dasar:</p> <p>a) Dasar Alam Sekitar Negara</p> <p>b) Akta 127, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; Kaedah-kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan_kesalahan) (Pembakaran Terbuka) 2000</p> <p>Akta ini mengawal selia pengurusan kualiti udara yang boleh membawa risiko pencemaran udara dan masalah perubahan cuaca.</p> <p>Contoh pendekatan / strategi semasa:</p> <p>Dasar Teknologi Hijau Negara (DTHN) yang diperkenalkan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTHHA) mempunyai peranan strategik dalam mencapai autonomi tenaga dan menangani perubahan cuaca.</p>	<p>Penekanan terhadap penjagaan kualiti udara dengan cara menghindarkan pencemaran bau adalah dapat difahami secara tersirat daripada beberapa hadis Nabi SAW. Antaranya, Nabi SAW pernah bersabda: Sesiapa yang makan dari pohon yang tidak sedap ini iaitu berbau busuk maka janganlah dia mendekati masjid kami kerana para malaikat juga akan terhidu bau busuk sebagaimana manusia. (Riwayat Muslim). Bau busuk boleh mendatangkan ketidakefektifan kepada orang sekeliling dan memudaratkan mereka.</p>

## Metodologi

Kajian ini menggunakan metod kualitatif di mana sorotan pembacaan dilakukan dengan merujuk kepada kitab utama iaitu *Al-Jidar* di samping beberapa bahan bacaan lain yang berkaitan. Seterusnya, kaedah analisa kandungan dilaksanakan bagi mengenalpasti dan mengekstrak prinsip Islam dan aplikasi yang terdapat di dalam kitab tersebut untuk diadaptasikan dalam konteks semasa. Kitab ini dipilih kerana perbincangan mengenai prinsip Islam yang berkait rapat dengan pengurusan alam sekitar lestari telah dihuraikan secara mendalam dan spesifik. Kupasan mengenainya amat penting dan relevan dalam memberikan pemahaman tentang konsep dan amalan peraturan alam sekitar Islam yang lestari untuk perancangan dan perkembangan bandar kontemporari. Kelebihan metod ini berbanding metod biasa adalah kerana ia disandarkan kepada kitab alam bina utama yang komprehensif dan autentik mengenai alam sekitar dan alam bina. Di samping itu, sebahagian besar aplikasi prinsip Islam berkaitan pengurusan alam sekitar lestari adalah dianalisis daripada keputusan dan penghakiman kes-kes tertentu yang dikupas secara terperinci di dalam *Kitab Al-Jidar*.

## Dapatan Kajian

Terdapat pelbagai kitab *fiqh* klasik yang membincangkan mengenai hukum dan peraturan alam bina. Kitab-kitab ini boleh diklasifikasikan kepada empat kategori utama merangkumi; 1) Kitab-kitab *fiqh* umum 2) *Kitab Fatawa dan Nawazil* 3) *Kitab-kitab Hisbah* 4) Kitab *fiqh* khusus alam bina. Kertas kerja ini hanya memfokuskan mengenai *Kitab Al-Jidar* yang terangkum dalam kategori keempat iaitu Kitab *fiqh* khusus alam bina.

## Latar Belakang Ringkas *Kitab Al-Jidar*

*Kitab Al-Jidar* adalah hasil karangan Isa b. Dinar (m. 212 A.H). Latar belakang mengenai penulis tidak diperolehi secara lengkap sebagaimana maklumat mengenai Ibn Al-Rami. Kitab ini


juga tidak dapat dikesan. Tetapi nama pengarang dengan bukunya sering disebut oleh penulis-penulis selepasnya, contohnya oleh Isa b. Musa at-Tutuli. *Kitab al-Jidar* karangan Isa b. Musa at-Tutuli (m. 386 A.H) merupakan buku yang amat penting dalam bidang ini. Ia mengandungi 51 tajuk perbincangan berkenaan dengan alam bina serta perkara-perkara yang bersangkutan dengannya. Terdapat 4 manuskrip kitab ini yang boleh didapati di Tunisia, Algeria dan Morocco. Kitab ini telah pun ditahqiq oleh Ibrahim Muhammad al-Faiz dan diterbitkan di Tunisia. Hasil tulisan beliau adalah sangat relevan dan signifikan untuk dirujuk kerana kupasan dan penghakiman yang dibahaskan adalah sangat terperinci dan mendalam bagi setiap topik yang diutarakan.

Perbincangan di dalam kitab ini menukilkan pandangan beberapa ulama' Maliki iaitu Sahnun, Asbagh ibn Al-Faraj, Mohammad bin Telid, Ibn Majshun, Al-Qasim, Ibn Al-Qasim, Ibn Wahb, Ibn Musa, Abdullah ibn Zayd, Ibn Nafi', Motarref dan Ibn Abdous dalam memberikan hukum terhadap isu atau pertikaian yang timbul.

## Prinsip-prinsip Islam Berkaitan Dengan Pengurusan Alam Sekitar Lestari Menurut *Kitab Al-Jidar*

Berdasarkan kepada keseluruhan topik dan komponen yang dibincangkan dalam *Kitab Al-Jidar* sebagaimana diringkaskan dalam Jadual 1, artikel ini telah berjaya mengekstrak empat (4) prinsip Islam berkaitan dengan pengurusan alam sekitar lestari menurut *Kitab Al-Jidar*. Prinsip-prinsip tersebut diringkaskan di dalam Gambar Rajah 1.

Gambar Rajah 1: Prinsip Islam berkaitan dengan pengurusan alam sekitar lestari menurut *Kitab Al-Jidar*



Sumber: (Pengkaji, 2019)

### *La Dharar Wa La Dhirar (Menghilangkan kemudharatan)*

Prinsip ini dihuraikan secara mendalam di dalam *Kitab Al-Jidar* dan boleh dirujuk pada tajuk spesifik di halaman 111,114,125. Prinsip ini berasal daripada hadith Nabi SAW berbunyi '*La Dharar Wa La Dhirar*' (Tiada mudharat dan tidak memudharatkan) (hal.114). Definisi *dharar*: tindakan salah yang dilakukan dan boleh memberi manfaat kepada pelaku (hal.125). Manakala definisi *Dhirar* : merujuk kepada tindakan salah yang dilakukan mendatangkan bahaya kepada satu pihak yang lain namun dalam masa sama tidak memberikan manfaat kepada pelakunya.(hal.125). Sebarang perlakuan atau tindakan yang mendatangkan bahaya atau kemudharatan adalah ditegah sama ada memberi manfaat kepada pelaku atau tidak (hal.111).

#### ii) Mengiktiraf dan menghormati hak orang lain

*Kitab Al-Jidar* membincangkan prinsip mengiktiraf dan menghormati hak orang lain dalam dimensi yang luas. Tidak hanya terbatas kepada hak terhadap harta, ia juga merangkumi hak pemilikan, hak memanfaatkan, hak air minum (*shirb*), hak pengairan tanaman, hak terhadap udara, hak laluan, hak penghuni atas dan bawah serta hak duluan.

#### iii) Tanggungjawab sosial

Prinsip tanggungjawab sosial yang dibahaskan di dalam *Kitab Al-Jidar* lebih memfokuskan bagaimana peranan yang perlu dimainkan secara bersama oleh komuniti dalam sesebuah

kejiranan. Ia merangkumi tanggungjawab menjaga, menyelenggara dan tanggungan ke atas sebarang kos dalam membaiki atau membaikpulih fasiliti yang rosak.

#### iv) Bantahan

Jika seseorang tidak berpuas hati dengan sebarang tindakan yang dilakukan oleh jiran seperti mendatangkan mudarat atau ketidakselesaian, *fiqh* memberikan peluang untuk pihak tersebut mengemukakan bantahan dalam tempoh masa tertentu. Sebagai contoh, sebagaimana yang dihuraikan di dalam *Kitab Al-Jidar*, sekiranya bantahan tidak dibuat dan melewati tempoh masa sepuluh tahun, maka individu tersebut telah hilang hak untuk membantahnya. Mohammad bin Telid menyatakan bahawa tindakan berdiam diri (tidak membantah) selama ini dianggap sebagai bersetuju dengan tindakan jirannya. Justeru, tidak ada bantahan yang boleh dibuat melepasi tempoh masa yang ditetapkan.



## Aplikasi Prinsip Islam Dalam Islam Dalam Pengurusan Alam Sekitar Lestari Menurut Perspektif Kitab Al-Jidar

Bil.	Prinsip Islam	Aplikasi Dalam Kitab Al-Jidar
<b>Pengurusan Air dan Sisa Air</b>		
1	La Dharar Wa La Dhirar	<p>Sahnun mengemukakan pandangannya mengenai pengurusan sisa air dengan memutuskan bahawa saluran untuk mengalirkan air atau sisa air tidak boleh dibina di atas jalan mati (<i>cul-de-sac</i>) kerana boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan tersebut. (Nombor kes: 8/ hal.153).</p> <p>Jalan raya yang licin boleh menyebabkan berlakunya kemalangan di samping menjejaskan kebersihan kawasan persekitaran. Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian di mana perkara ini boleh terus dilakukan sekiranya telah menjadi praktis biasa yang diamalkan oleh masyarakat sejak sekian lama sebagaimana yang biasa dilakukan pada jalan awam oleh masyarakat di kebanyakan bandar-bandar Islam tradisional. (Nombor kes: 8/ hal.153).</p> <p>Sekatan penggunaan air perigi oleh pemilik terhadap jirannya hanya boleh dilakukan dengan mengikuti beberapa terma dan syarat spesifik. Antaranya, penarikan semula hak tidak boleh dilaksanakan sekiranya belum mencapai tempoh masa yang dipersetujui di dalam kontrak asal. Seterusnya, Asbagh memperincikan bahawa kebenaran tersebut boleh ditarik balik sekalipun kerja-kerja yang dilakukan untuk mendapatkan air daripada perigi jiran melibatkan kos atau tidak. (Nombor kes: 1/hal.115). Tersiratnya, tindakan yang dilakukan dalam memanfaatkan hak penggunaan perigi miliknya tidak boleh mendatangkan kemudharatan kepada pihak lain.</p> <p>Selain itu, terdapat satu kes di mana air daripada bumbung rumah seseorang telah jatuh ke rumah jirannya. Beliau berhasrat untuk meninggikan tingkat rumahnya namun dihalang oleh jirannya, Kitab Al-Jidar mengemukakan pandangan oleh Mohammad bin Telid bahawa tindakannya untuk meninggikan tingkat rumahnya adalah boleh dihalang kerana mendatangkan bahaya kepada jirannya (Nombor kes: 9/hal.159).</p>
2	Menghormati dan mengiktiraf hak orang lain	<p>Dalam kes di mana seorang individu telah memberikan kebenaran kepada seorang yang lain untuk memanfaatkan air dari perigi miliknya (contohnya dengan membina saluran bawah tanah) kemudian mengambil keputusan untuk menyekat penggunaannya kerana air perigi telah kering, timbul persoalan sama ada beliau berhak melakukannya atau tidak. Menurut pandangan Motarref dan Ibn Majshun, pemilik perigi mempunyai hak menghalang individu tersebut daripada menggunakan air daripada periginya. Ini bagi membolehkan pemiliknya menyimpan air untuk kegunaan domestiknya sendiri. Di sini menunjukkan bagaimana Islam mengiktiraf hak pemilikan perigi oleh pemilik asalnya. (Nombor kes:1/hal.115)</p> <p>Kitab Al-Jidar turut membincangkan secara terperinci mengenai pengurusan dan penggunaan air hujan. Contoh kes ini diperincikan mengenai keadaan di mana jika air hujan mengalir di atas bumbung rumah seseorang individu, dan ada pihak lain (jiran) mahu membina saluran baru berdekatan dengan bumbung tersebut bagi mengumpul air hujan untuk kegunaan domestiknya. Ibn Nafi' berpandangan bahawa individu tersebut tidak boleh melakukannya kecuali dengan kebenaran jirannya. Perkara ini disokong oleh Motarref dan Ibn Majshun yang mensyaratkan bahawa keizinan daripada jiran adalah disyaratkan dan menjadi keutamaan jika ingin membina saluran tersebut sekalipun pembinaannya tidak mendatangkan bahaya atau mudarat sekalipun. Dalam konteks ini, penekanan tidak hanya dikaitkan dengan elemen menghindarkan bahaya semata-mata namun dalam skop yang lebih luas menghubungkan dengan kepentingan menghormati hak dan harta orang lain. Ini bermaksud, tiada tindakan yang boleh dilakukan sewenangnyanya ke atas hak orang lain tanpa izin tuan / pemiliknya yang sah. (Nombor kes: 8/hal.153).</p>
3	Tanggungjawab social	<p>Kitab Al-Jidar mengemukakan solusi untuk membaiki atau membina semula perigi (sumber air yang digunakan untuk mengairi tanaman) dimiliki oleh dua pihak yang berjiran sekiranya rosak atau runtuh. Solusi yang dicadangkan di dalam kitab ini adalah menurut pandangan Sahnun iaitu:</p> <p>Kedua-dua pihak adalah bertanggungjawab membina semula perigi tersebut.</p> <p>Kos penyelenggaraan perlu dikongsi bersama.</p> <p>Jika salah satu pihak enggan, beliau perlu;</p> <p>Membayar semula kos kepada pihak yang membaikinya atau;</p> <p>Menjual bahagiannya kepada pihak yang membinanya semula.</p> <p>Jika masih enggan, hakim atau qadhi berhak menggunakan kuasanya untuk menjual bahagian tersebut untuk menampung kos yang digunakan oleh pihak yang melakukan pembinaan semula tersebut. (Nombor kes:3/ hal.128-130)</p>

4	Bantahan	<p>Dalam kes di mana seorang individu telah mengalirkan air dari bumbung rumahnya menghalu ke rumah jiran namun tidak ada bantahan untuk sekian lama. Walau bagaimanapun, selepas sepuluh tahun, jirannya membuat bantahan. Mohammed Ben Telid memutuskan bahawa jirannya tidak ada hak untuk protes selepas 10 tahun kerana diamnya selama ini dianggap satu kompromi agau kerelaan terhadap tindakan jirannya. (Nombor kes:9/ hal.160).</p> <p>Bagi kes pengairan sisa air melalui tanah orang lain tanpa keizinan tuannya, Al-Qasim menetapkan tempoh maksimum antara 6-7 tahun untuk dibuat bantahan. Sebaliknya, Asbagh tidak menetapkan tempoh masa tetapi pihak yang membantah perlu bersumpah bahawa tindakannya berdiam diri sebelum ini tidak bermaksud persetujuan (Nombor kes:18/hal.206-207).</p> <p>Sahnun memberikan pandangannya dalam masalah pembinaan saluran air yang mengalir ke jalan awam (laluan 2 hala) bahawa pihak yang tidak berpuas hati masih mempunyai hak untuk membuat bantahan sekalipun telah melewati 3 tahun.(Nombor kes:9/hal.162).</p>
Pengurusan Sampah		
1	La dharar wa la Dhirar	Sebarang tindakan yang boleh menghalang/ menyempitkan laluan membuang sampah di jalanan adalah dilarang kerana boleh membahayakan pengguna. (Nombor kes:5/hal.150).
2	Menghormati dan mengiktiraf hak orang lain	Dalam menjelaskan mengenai aspek menghormati hak orang lain, Ashbagh berpandangan bahawa penghuni tingkat atas tidak sewajarnya membuang atau melonggokkan sampahnya ke tingkat bawah sekalipun untuk tempoh masa singkat (sementara waktu) sebelum dibuang. (Nombor kes: 10/ hal.162-163).
3	Tanggungjawab sosial	<p>Kitab Al-Jidar memfokuskan mengenai pengurusan sampah untuk kediaman bertingkat. Kitab ini membawa pandangan yang dikemukakan oleh Asbagh bahawa penghuni di tingkat bawah hanya dipertanggungjawabkan untuk menyapu dan membersihkan sampah di tingkat tersebut sahaja. Mereka tidak dikehendaki membersihkan sampah yang dibuang oleh penghuni tingkat atas ke tingkat bawah. (Nombor kes: 10/ hal.162-163).</p> <p>Dalam kes di mana wujudnya timbunan sampah dalam runtuh bangunan, Sahnun menyatakan bahawa pemilik bangunan adalah bertanggungjawab untuk membersihkannya kerana boleh memudaratkan orang lain. Ini kerana menurut undang-undang Islam, sekalipun seseorang itu menggunakan haknya, tetapi jika boleh menimbulkan risiko kepada orang lain, dia adalah dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerosakan yang berlaku. (Nombor kes: 12 hal.167).</p> <p>Dalam satu pandangan lain, Sahnun turut menekankan mengenai tanggungjawab sivik oleh komuniti di mana beliau menyatakan bahawa jika sampah dan runtuh bangunan tersebut membahayakan orang awam, maka ia sewajarnya diuruskan oleh jiran-jiran terdekat. Justifikasi yang diberikan adalah secara kebiasaannya, pihak yang berdekatan adalah mereka yang mungkin menghasilkan bahan buangan tersebut. (Nombor kes: 12/ hal.167).</p> <p>Manakala bagi sampah domestik, adalah menjadi tanggungjawab isi rumah untuk diuruskan/dibuang (Nombor kes: 11/ hal.166).</p>
4	Bantahan	Tidak didapati perbincangan secara spesifik mengenai bantahan dalam aspek pengurusan sampah. Walau bagaimanapun, terdapat satu subtopik umum mengenai bantahan dan tempoh masanya di dalam Kitab Al-Jidar yang boleh dirujuk pada Nombor Kes: 18(hal.205-209) untuk diaplikasikan dalam semua keadaan. Tempoh masa maksimum yang diberikan oleh Al-Qasim iaitu antara 6-7 tahun.
Pengurusan Sisa Kumbahan (Najis)		
1	La dharar wa la Dhirar	Perbincangan mengenai prinsip ini tidak disebut secara langsung menggunakan kalimah 'dharar', tidak seperti dalam komponen pengurusan alam sekitar yang lain. Walau bagaimanapun, aplikasi prinsip ini boleh difahami secara tersirat dalam kupasan mendalam mengenai tanggungjawab pembersihan yang dihuraikan di kes bernombor 11/hal.164-168. Ini menunjukkan bahawa aspek sanitasi amat dititikberatkan kerana pencemaran persekitaran, umpamanya boleh memberikan pelbagai implikasi buruk kepada masyarakat.
2	Menghormati dan mengiktiraf hak orang lain	<p>Kitab Al-Jidar mengiktiraf hak pemilikan dan hak memanfaatkan kemudahan tangki najis. Hak ini berkait rapat dengan tanggungjawab pembersihan yang wajar dilaksanakan bagi mengekalkan kebersihannya dan mengelakkan pencemaran bau (Nombor kes: 11/ hal.163).</p> <p>Kupasan mengenai prinsip menghormati hak orang lain juga boleh dilihat dalam satu kes di mana salah seorang daripada pemilik bersama tangki najis berhasrat untuk menjual tangki tersebut namun tidak dipersetujui oleh pihak satu lagi. Dalam situasi ini, Ibn Musa dan Abdullah ibn Abi Zayd mengemukakan pandangan yang sama di mana tangki tersebut tidak boleh dijual tanpa kerelaan dan persetujuan kedua belah pihak. Justeru, ia kekal sebagai hak bersama untuk terus dimanfaatkan oleh kedua belah pihak. (Nombor kes: 11/ hal.168).</p>

3	Tanggungjawab social	<p>Tanggungjawab membersihkan dan mengosongkan tangki najis yang mengalirkan sisa kumbahan manusia bagi kediaman bertingkat adalah menjadi tanggungjawab penghuni di tingkat bawah, sebagaimana pandangan oleh Ibn al-Qasim. Walau bagaimanapun, Asbagh dan Motarref berpandangan bahawa ianya perlu dilakukan secara bersama oleh penghuni tingkat atas dan bawah manakala kos penyelenggaraan adalah bergantung kepada nisbah penghuni di kedua-dua kediaman tersebut. (Nombor kes: 11/ hal.164).</p> <p>Sekiranya tangki tersebut dimiliki secara eksklusif oleh penghuni tingkat bawah, maka Mohammed bin el-Labbad menyatakan bahawa pemiliknya adalah bertanggungjawab penuh untuk menguruskan penyelenggaraan dan kosnya. Penghuni tingkat adalah bertanggungjawab sekiranya mereka merupakan pemilik bersama tangki tersebut dan kos ditanggung adalah mengikut kepada bilangan ahli keluarganya. Berbeza dengan Ibn Wahb, beliau tidak melihat dari aspek pemilikan untuk mengaitkannya dengan tanggungjawab pembersihan, sebaliknya beliau melihat kepada aspek pemanfaatan tangki tersebut. Ini bermakna, semua pihak yang memanfaatkan penggunaan tangki najis itu adalah dipertanggungjawabkan untuk membersihkannya sama ada mereka pemilik atau bukan. (Nombor kes: 11/ hal.165).</p>
4	Bantahan	<p>Kitab Al-Jidar hanya menyentuh sedikit mengenai bantahan penjualan tangki najis oleh salah seorang pemilik bersama.</p> <p>Tiada aspek lain yang diuraikan. Tempoh masa maksimum 6-7 tahun sebagaimana pandangan Al-Qasim mungkin boleh dirujuk sekiranya timbul sebarang pertikaian melibatkan pertikaian dalam pengurusan sisa kumbahan ini. (Nombor kes: 18/hal: 205-209).</p>
Pengurusan Kualiti Udara		
1	La dharar wa la Dhirar	<p>Kitab Al-Jidar mengupas mengenai pengurusan kualiti udara melalui beberapa contoh kes. Sahnun, Ibn Abdous dan Ibn al-Qasim sependapat dalam larangan terhadap pembinaan tempat pembakaran roti (furnaces), bilik mandi, bengkel besi, penggunaan mesin pengisar (mill) dan pusat menyamak kulit binatang yang boleh mengakibatkan pencemaran udara dan pemanasan suhu. Perkara ini boleh memudaratkan jiran melalui bau dan haba yang dilepaskan. (Nombor kes: 16/ hal.195-196).</p> <p>Selain itu, bauan busuk daripada bengkel menyamak kulit binatang yang kebiasaannya menggunakan najis burung merpati sehingga menyebabkan ketidakselesaan kepada jiran juga perlu ditegah. (Nombor kes: 16/ hal.195-196).</p> <p>Dalam kes di mana seorang individu telah menanam bijirin di tanahnya dan jerami gandum berterbangan melalui udara ke dalam rumah jirannya sehingga mendatangkan ketidakselesaan, Sahnun memutuskan bahawa tindakan ini adalah dilarang dan mesti dihentikan kerana boleh memudaratkan jiran. (Nombor kes: 16/ hal.202).</p>
2	Menghormati dan mengiktiraf hak orang lain	<p>Motarref, Ibn Majshun dan Asbagh memperincikan bahawa pembinaan baru bagi tempat pembakaran roti (furnaces) dan bilik mandi hanya boleh dilakukan dengan kebenaran jiran kerana menyebabkan bau busuk dan mengotorkan udara. (Nombor kes: 16/hal.195-197).</p> <p>Kualiti udara yang baik turut berkait rapat dengan rekabentuk rumah. Di dalam Kitab Al-Jidar, dikupas larangan meninggikan rumah/ atau dinding yang boleh menghalang hak jirannya untuk menikmati udara dan pencahayaan yang baik. (Nombor kes: 13/hal: 171-172).</p>
4	Tanggungjawab social	<p>Semua pihak bertanggungjawab memastikan sebarang tindakan yang dilakukan adalah tidak menghalang hak jirannya daripada menikmati pengudaraan yang baik. Justeru itu, sebarang tindakan seperti pertanian (gandum), perindustrian (membakar roti dan menyamak kulit binatang) mahupun pembinaan rumah dilaksanakan sebaiknya dengan tidak menghalang angin masuk ke rumah jiran mahupun tidak menyebarkan bauan busuk yang tidak menyenangkannya (Nombor kes: 17/hal.199-204).</p>
4	Bantahan	<p>Dalam mengurangkan masalah yang berpunca daripada bau busuk di bengkel menyamak kulit binatang, Motarref, Ibn al-Majshun dan Asbagh menyatakan bahawa pembinaan baru bengkel ini boleh dihalang atau dibantah pada peringkat awal lagi. (Nombor kes: 16/hal.195-197)</p> <p>Bagi kes melibatkan pencemaran udara kesan daripada aktiviti pengisaran gandum, bantahan boleh dibuat sekalipun telah berlalu tempoh masa yang lama. Walau bagaimanapun, pihak yang lebih berhak adalah bergantung kepada siapa yang terdahulu. Sebagai contoh, aktiviti penanaman dan pengisaran gandum tidak perlu dihentikan atau dialihkan sekiranya ia wujud terlebih dahulu daripada pembinaan rumah dan sebaliknya. (Nombor kes: 16/ hal.202).</p>

Sumber: Isa ibn Musa Tutili, 1996/Kitab Al-Jidar

## Perbincangan

Penjagaan alam sekitar amat dititikberatkan dalam Islam dan menjadi tanggungjawab manusia untuk memastikan alam terus terpelihara, bersih, selamat dan lestari untuk dihuni oleh generasi sekarang dan akan datang (Ashtankar, 2015). Di dalam Islam, pemeliharaan alam sekitar lestari merupakan tanggungjawab keagamaan yang wajib dilaksanakan dan bukan satu alternatif (Salem et.al, 2012). Ini bermaksud, amanah yang dilaksanakan dengan sebaiknya akan diganjarkan dengan pahala dan sebaliknya (Mehri, 2016). Perkara ini juga turut dibincangkan dalam buku *fiqh* utama dalam pelbagai mazhab Islam (Mohd Dani, 2018). Secara umumnya, keseluruhan perbahasan dalam *Kitab Al-Jidar* adalah perincian mendalam mengenai hukum-hakam Islam sebagai satu tanggungjawab keagamaan yang wajib dipatuhi oleh umat Islam, berkisar pengurusan alam bina dan alam sekitar.

Dapatan dalam *Kitab Al-Jidar* dilihat selari dengan kajian-kajian kontemporari seperti yang dilaksanakan oleh Abu Hassan Abu Bakar et.al (2011) dan Sabir Nu'man (2016) serta M. Nemati et.al (2017). Mereka menegaskan bahawa implimentasi pengurusan alam sekitar lestari boleh dimanifestasikan melalui beberapa pendekatan seperti tidak melakukan pencemaran alam sekitar, mengelakkan pembaziran sumber semula jadi seperti air dan menguruskannya secara bijak. Selain itu, inisiatif 3R (*reduce-reuse-recycle*) yang dipromosikan dalam kalangan komuniti pada hari ini juga didapati menepati objektif pengurusan alam sekitar lestari dalam Islam. Program taman komuniti dan kempen penjimatan tenaga ini selari dengan tuntutan syarak sebagaimana dipelopori oleh masyarakat Islam tradisi (Vincenti Donatella, 2016).

Tafsiran sistematik oleh Donatella Vincenti (2016) terhadap sumber syariah melalui penghasilan formulasi tiga prinsip penting mengenai pengurusan sumber semula jadi

dan kelestarian alam sekitar merangkumi: 1) Pengiktirafan terhadap harta bersama merangkumi air, api dan lain-lain 2) Hak memanfaatkan sumber semula jadi secara bersama dan 3) Tidak melakukan kerosakan atau ancaman kepada pengguna di masa akan datang adalah bertepatan dengan huraian yang dibincangkan di dalam *Kitab Al-Jidar*.

Nilai Islam perlu difahami dan dihayati secara mendalam oleh komuniti Muslim agar visi dan misi pengurusan alam sekitar dapat diimplementasikan dengan jayanya. Individu Muslim yang menghayati nilai keislaman akan menterjemahkan keyakinannya melalui tindakan untuk menjaga, memelihara dan memulihara alam sekitar (Muhammad, H.A & Nabsiah, A.W, 2012). Secara keseluruhan, penglibatan kolektif komuniti sebagaimana disarankan di dalam *Kitab Al-Jidar* dilipat berpotensi mengekalkan kelestarian alam sekitar. Antara inisiatif dan strategi pengurusan alam sekitar berbentuk kolektif atau autonomi di dalam *Kitab Al-Jidar* ini merangkumi sistem pembinaan sendiri fasiliti komuniti, penyelenggaraan sendiri dan pembentukan sukarelawan muhtasib dalam kelompok kediaman.

Umumnya, dapatan daripada *Kitab Al-Jidar* boleh dirumuskan sebagaimana di bawah:

Terdapat pelbagai prinsip *fiqh* berkaitan alam sekitar namun pengkaji hanya membataskan kepada empat (4) prinsip utama iaitu; a) *La dharar wa la dhirar* (menghilangkan kemudaratan) b) Mengiktiraf dan menghormati hak orang lain c) Tanggungjawab sosial dan d) Bantahan untuk diperhalusi perbincangan dalam empat (4) komponen pengurusan alam sekitar lestari yang dipilih.

Perspektif *fiqh* menekankan bahawa tanggungjawab pengurusan alam sekitar adalah satu tanggungjawab keagamaan.

Keputusan penghakiman kes melibatkan pertikaian atau konflik berkaitan alam sekitar dan alam bina dalam *Kitab Al-Jidar* adalah

bergantung kepada beberapa faktor seperti;  
a) bentuk pemilikan – awam / persendirian (eksklusif) b) *uruf* atau kebiasaan setempat dan  
c) prinsip duluan

Hak pemilik adalah diiktiraf dan dihormati dalam Islam. Pemilik mempunyai kebebasan dalam memanfaatkan hartanya asalkan tidak memudaratkan jiran. Namun, dalam sesetengah keadaan seperti renovasi, persetujuan daripada jiran adalah diperlukan sebagai tanda menghormati hak mereka sebagai jiran.

Pendekatan aplikasi prinsip yang dikupas dalam *Al-Jidar* adalah bersifat holistik. Sebagai contoh; menggabungkan elemen kebersamaan, limitasi masa, pengakuan sumpah, kesaksian, pembuktian dan impak.

Perbincangan spesifik bagi setiap komponen pengurusan alam sekitar lestari menurut perspektif *Kitab Al-Jidar* dipersembahkan di bawah:

#### *Pengurusan Air dan Sisa Air*

Dalam Islam, air merupakan domain milik bersama yang perlu dimanfaatkan dan diuruskan secara bersama. Penggunaan air berkait rapat dengan beberapa hak dalam Islam seperti hak minuman (*haq al-shirb*), hak pengairan dan sebagainya yang dijelaskan secara mendalam dalam kebanyakan kitab-kitab *fiqh* (Vincenti Donatella, 2016). Seiring dengan pengiktirafan Islam terhadap manusia dan haiwan dalam menikmati air, beberapa peraturan mengenai penggunaan, pengagihan dan larangan memonopoli penggunaan air telah digariskan dalam *Kitab Al-Jidar* sebagaimana prinsip syarak demi menjaga kelestarian sumber air. Justeru itu, langkah-langkah mengoptimumkan penggunaan dan penjimatan sumber air wajar dipraktikkan dalam situasi semasa. Di samping itu, reka bentuk kawasan pembangunan hendaklah dipastikan supaya perparitan tidak terus mengalirkan sisa air tercemar ke sumber air utama seperti kolam, sungai, dan laut.

Skop pengurusan air dan sisa air di dalam *Kitab Al-Jidar* dilihat memfokuskan kepada elemen penglibatan pihak berkepentingan dan mekanisme pengurusan. Namun, aspek penyelenggaraan melibatkan pihak berautoriti tidak diulas kerana praktis tradisi Islam adalah pengurusan secara autonomi dan tersendiri oleh pihak komuniti.

Penerapan dan penghayatan terhadap pengurusan air dan sisa air secara lestari wajar disebarluaskan melalui pendidikan. Aspek aspek *fiqh* merangkumi strategi penggunaan air, dan takungan air di dalam *Kitab Al-Jidar* perlu disebarluaskan bagi menggalakkan penyertaan dalam kalangan masyarakat terhadap pemeliharaan sumber air. Hal ini disokong oleh pandangan yang diberikan oleh Siti Khatijah Zamhari dan Christopher Perumal dalam artikel mereka bertajuk ‘Cabaran dan strategi ke arah pembentukan komuniti lestari’ (2016). Dapatan kajian tersebut menyatakan bahawa pendidikan adalah amat penting dalam menyediakan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan untuk membentuk komuniti lestari.

#### *Pengurusan Sampah*

Sebarang tindakan atau aktiviti seperti pembuangan sampah sarap yang tidak dikendalikan sebaiknya sehingga mencemarkan alam sekitar, air, udara atau pemandangan adalah satu dosa dan dilarang keras dalam Islam (Mohd Nor Mamat, Siti Fatahiyah Mahamood & Ismaniza Ismail, 2012; Ghaderi, Z. & Henderson, Joan C., 2012). Ini kerana tindakan sebegini boleh mencemarkan kawasan dan menghasilkan bau yang tidak menyenangkan sehingga mengganggu jirannya seperti mana prinsip Dharar yang dihuraikan di dalam *Kitab Al-Jidar*.

Zaini Sakawi, Sofia Ayup dan Mohd Fauzi Sukimi (2017) mendapati bahawa pengetahuan, kesedaran dan pelaksanaan pengurusan sampah secara bersepadu perlu diperkasakan lagi memandangkan kajian terdahulu oleh Haliza



Abdul Rahman (2017) mendapati bahawa sistem pengurusan sampah (sisa pepejal) yang dipraktikkan di Malaysia pada masa kini adalah tidak efisien dan tidak lestari. Antara pendekatan yang boleh dilaksanakan adalah dengan memfokuskan kepada aplikasi atau praktis *fiqh* sebagaimana yang dikupas di dalam *Kitab Al-Jidar* bagi memenuhi jurang yang wujud. Ini sebagai satu respon terhadap dapatan kajian oleh Saudara Affendi Ismail (2014) yang pengurusan sisa pepejal berasaskan Islam yang positif tidak diterjemahkan dalam amalan seharian komuniti (responden) meskipun mereka mempunyai tahap pengetahuan yang positif terhadap prinsip-prinsip pengurusan sampah (sisa pepejal) menurut Islam.

#### *Pengurusan Sisa Kumbahan (Najis)*

Solusi pengurusan sisa kumbahan secara berpusat dan bersistematik yang diperincikan di dalam *Kitab Al-Jidar* dilihat berupaya menanamkan kesedaran sivik dalam diri komuniti. Seterusnya, dapat memangkin mereka agar menghayati ajaran Islam secara holistik dalam urusan kehidupan mereka sebagaimana pandangan yang diutarakan oleh Ansari, et.al, (2012). Adaptasi sikap positif terhadap kebersihan akan memanfaatkan keseluruhan komuniti dan persekitaran dengan mewujudkan persekitaran yang bersih, sihat dan kondusif untuk didiami.

*Kitab Al-Jidar* lebih memfokuskan kepada aspek pengurusan dan penyelenggaraan sisa kumbahan namun tiada solusi kaedah rawatan yang dikupas di dalam kitab ini. Ini berbeza dengan kebanyakan kajian kontemporari yang memberikan keutamaan terhadap teknik rawatan dan kitar semula sisa kumbahan sebagai baja sebagaimana yang dilaporkan oleh Joseph D. Rouse di dalam kajiannya bertajuk 'Development of Environmentally Sustainable Methods for Treatment of Domestic Wastewater and Handling of Sewage Sludge on Yap Island' (2019).

#### *Pengurusan Kualiti Udara*

Pencemaran udara merupakan salah satu daripada perkara yang boleh memudaratkan manusia. Beberapa aspek yang dijelaskan di dalam *Kitab Al-Jidar* dilihat signifikan dengan kajian kontemporari. Antaranya, kajian oleh Zuroni Jusoh bertajuk 'Pengenalpastian atribut-atribut rumah lestari dalam model pilihan: Perbincangan kumpulan berfokus', (2015) telah mengenalpasti bahawa reka bentuk rumah yang dapat memastikan kualiti pengaliran udara secara semula jadi merupakan sebahagian daripada atribut rumah rumah lestari.

Di samping itu, kaedah kawalan biologi termasuklah memindahkan populasi burung-burung domestik seperti merpati ini ke kawasan lain telah disarankan oleh Hisham Jabar, penasihat Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Segi Perkasa Sdn.Bhd sebagai salah satu daripada pendekatan yang sesuai untuk mengawal kesan pencemaran najis burung. Hal ini adalah selari dengan kupasan di dalam *Kitab Al-Jidar* yang menyebutkan bahawa sarang merpati sebaiknya ditempatkan berjauhan daripada lokasi kejiranan kerana bau najis binatang ini mendatangkan kemudatan dan ketidakselesaan kepada penduduk sekitar.

#### **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulannya, pengkaji menegaskan bahawa penulisan ini telah berjaya mencapai objektif yang digariskan iaitu mengkaji aplikasi empat (4) prinsip Islam meliputi *La dharar wa la dhirar* (menghilangkan kemudatan), mengiktiraf dan menghormati hak orang lain, tanggungjawab sosial dan bantahan dalam empat (4) komponen pengurusan alam sekitar lestari iaitu pengurusan air dan sisa air, pengurusan sampah, pengurusan sisa kumbahan (najis) dan pengurusan kualiti udara.

Secara umumnya, perbincangan dalam *Kitab Al-Jidar* ini dapat dijadikan panduan dalam menjelaskan pendekatan Islam dalam pengurusan alam sekitar. Ulasan yang diutarakan

di dalam kitab ini adalah disandarkan kepada penghakiman kes-kes yang berlaku. Dapat difahami bahawa elemen *fiqh* yang dibahaskan dalam *Kitab Al-Jidar* ini adalah relevan untuk diintegrasikan secara komprehensif dan praktikal dalam menangani isu-isu pengurusan alam sekitar kontemporari. Ini bertepatan dengan konsep kesyukuran ajaran Islam yang mengatur segenap urusan kehidupan manusia demi manfaat sejagat.

Penerapan Islam perlu diperkasakan kerana kesedaran beragama memainkan peranan penting dalam memotivasikan Muslim untuk bertindak mengikut landasan syarak bagi mengekalkan kelestarian alam untuk survival generasi akan datang. Hal ini selari dengan apa yang telah ditegaskan oleh Ibnu Khaldun di dalam *Kitab Muqaddimah* bahawa kawalan agama (syariah) adalah yang paling sesuai kerana ia berpunca dari dalaman manusia itu sendiri, bukan paksaan dari luar. Justeru, pendidikan Rabbani melalui pendekatan *fihiyyah* perlu diperkasakan kembali baik secara formal atau informal.

Solusi pembangunan lestari yang bersifat holistik, efisien, dan komprehensif dapat direalisasikan dengan mengadaptasikan instrument atau mekanisme Islam secara komited oleh semua pihak sama ada komuniti mahupun pihak berautoriti. Justeru, khazanah Islam dalam bidang pengurusan alam sekitar dan alam bina harus didedahkan semula dengan mengkaji kitab-kitab *fiqh* ulamak-ulamak silam dan melakukan usaha terjemahan dan perbincangan secara ilmiah yang lebih menyeluruh. Inisiatif ini penting bagi membolehkan pihak-pihak terlibat agar lebih memahami *fiqh* pengurusan alam sekitar sehingga akhirnya berupaya mengintegrasikan pendekatan Islamik dan konvensional dalam merangka pendekatan bersesuaian untuk membentuk satu sistem pengurusan alam sekitar yang terbaik.

## Rujukan

### Al-Quran

Al Quran Al Karim & Terjemahan Al Fauzan. (2018). Kuala Lumpur. Telaga Biru Sdn.Bhd. ISBN:9555-056-300-549.

Akta 127, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Diambil dari, <https://www.doe.gov.my/>

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), Diambil dari, <http://jpspn.kpkt.gov.my>

Dasar Alam Sekitar Negara, Diambil dari, <https://www.doe.gov.my/>

Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara 2016, Diambil dari, <http://jpspn.kpkt.gov.my>

Dasar Sumber Air Negara National Water Resources Policy (22 Februari 2012), <https://wk.kats.gov.my>

Kadar Bayaran Penalti, Portal Rasmi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Diambil dari, <http://www.mbpp.gov.my>

Kaedah-kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan\_kesalahan) (Pembakaran Terbuka) 2000, Diambil dari, <https://www.doe.gov.my>

Ansari, Abdul Haseeb, Perveen Jamal & Oseni,U.(2012). Sustainable development: Islamic dimension with special reference to conservation of the environment. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(5): 607-619.

- Abu Hassan Abu Bakar, Khor Soo Cheen & Rahmawaty. (2011). Sustainable housing practices in Malaysian housing development: Towards establishing sustainability index. *International Journal of Technology*, 2(1):84-93. <https://doi.10.14716/ijtech.v2i1.1025>.
- Affendi Ismail. (2014). *Pengaruh agama dalam tingkah laku kesedaran pengurusan sisa pepejal masyarakat Islam di Kelantan*. Kertas kerja dibentangkan dalam Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia. ISBN 978-967-11473-1-3.
- Ashtankar Dr. O.M. (2015). Islamic perspectives on environmental protection. *International Journal of Applied Research*, 2(1): 438-441.
- Donatella Vincenti. (2016). Sustainability transitions in Arab-Islamic countries: Egypt as a case study. *Agriculture and Agricultural Science Procedia*, 8 (2016) 135 – 140.
- Haliza Abdul Rahman. (2017). Penglibatan Komuniti dalam Pengurusan Sisa Pepejal di Malaysia. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 16 (1) (2017): 13-22.
- Isa Ibn Musa Tutili. (1996). *Kitab Al-Jidar (Silsilat Ahkam al-bunyan)*. Maktabat al-Muayyad.
- Jamaluddin Md. Jahi (1996). *Impak Pembangunan Terhadap Alam Sekitar*. Bangi, Malaysia: Penerbit UKM, 1996, 249 hlm. (ISBN 967-942-347-6).
- Joseph D. Rouse. (2015). Development of environmentally sustainable methods for treatment of domestic wastewater and handling of sewage sludge on Yap Island. *Sustainability*, 7, 12452-12464; doi: 10.3390/su70912452.
- Mehri Ahmadi. (2016). *Sustainable development - Islamic Perspectives*. 1<sup>st</sup> International Conference on Rethinking the Sustainable Development (ICORESD 2016), May 2016 - Tabriz, Iran.
- Mohd Dani Muhamad. (2018). *Islamic building regulations: The fourteenth-century Tunis book and its counterparts*. New York: Routledge.
- Mohd Nor Mamat, Siti Fatahiyah Mahamooda & Ismaniza Ismail. (2012). *Islamic philosophy on behaviour - Based environmental attitude*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 49 (2012). 85 – 92. 1<sup>st</sup> CEBS 2009 Shah Alam. 1<sup>st</sup> National Conference on Environment-Behaviour Studies, Faculty of Architecture, Planning & Surveying, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, Malaysia. 14-15 November 2009. doi: 10.1016/j.sbspro.2012.07.008.
- Mohd Yaseen Gada. (2014). Environmental ethics in Islam: Principles and perspectives. *World Journal of Islamic History and Civilization*, 4 (4): 130-138, 2014. ISSN 2225-0883. doi: 10.5829/idosi.wjihc.2014.4.4.443 © IDOSI Publications, 2014.
- Kamali, M.H (2015). Islam and sustainable development. *ICR 7.1. IAIS Malaysia*.
- Muhammad Hafiz Azizan & Nabsiah Abdul Wahid. (2012). *A proposed model on environmental stewardship*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 65 (2012) 587 – 592-0428 © 2012. International Congress on Interdisciplinary Business and Social Science 2012 (ICIBSoS 2012). doi: 10.1016/j.sbspro.2012.11.169.
- MA Salem, N Hasnan, NH Osman. (2012). *Some Islamic Views on Environmental Responsibility*. Paper presented at 2<sup>nd</sup> International Conference on Environment Science and Biotechnology. IPCBEE Vol.48 (2012). IACSIT Press, Singapore. doi: 10.7763/IPCBEE. 2012. V48. 21.
- M.Nemati, M.Bemaniah, & M.Ansari. (2017). A framework for sustainable architecture in Iran with emphasis on the views of scholars. *Journal of Building Performance*, Vol. 8, Issue

1 . ISSN: 2180-2106 2017.

Norah Hamad. (2017). *Foundations for sustainable development: Harmonizing Islam, nature and law*. July 2017. SJD Dissertation. Elisabeth Haub School of Law at Pace University. <http://digitalcommons.pace.edu/lawdissertations/2017>.

Sabir Nu'Man.(2016). A unified architectural theory for islamic architecture. *International Journal of Architectural Research*, 10(3):100-112. DOI: 10.26687/archnet-ijar.v10i3.973.

Siti Khatijah Zamhari & Christopher Perumal, (2016) Cabaran dan strategi ke arah pembentukan komuniti lestari. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (12). 10-24. ISSN 2180-2491.

Tomislav Klarin. (2018). The concept of sustainable development: From its beginning to the contemporary issues. *Zagreb International Review of Economics & Business*, Vol. 21, No. 1,67-94.

Ghaderi, Z. & Henderson, J.C. (2012). Sustainable rural tourism in Iran: A perspective from Hawraman Village. *Tourism Management Perspectives*, 2(3). 47-54.

Musa ZM. (2010). Fiqh Al-Bi'ah: Prinsip interaksi manusia dengan alam persekitaran. *Jurnal Syariah*, Jil. 18, Bil. 1, 1-24.

Zaini Sakawi, Sofia Ayup & Mohd Fauzi Sukimi. (2017). Pengetahuan komuniti dan amalan pengurusan sisa pepejal di Negeri Sembilan. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, Issue 4, 126-137.

Zuroni Md Jusoh. (2015). Pengenalpastian atribut-atribut rumah lestari dalam model pilihan: Perbincangan kumpulan berfokus. *Jurnal Pengguna Malaysia*.18-29.

[https://www.academia.edu/25680492/MASALAH\\_KESAN-KESAN\\_NEGATIF\\_OLEH\\_AKTIVITI-AKTIVITI\\_BURUNG\\_DI\\_MALAYSIA\\_SERTA](https://www.academia.edu/25680492/MASALAH_KESAN-KESAN_NEGATIF_OLEH_AKTIVITI-AKTIVITI_BURUNG_DI_MALAYSIA_SERTA)

